



Headline: DUIT ISTERI PUN DISAPU!
Publication/Portal: Harian Metro
Date: 11 April 2021

Language: Bahasa Malaysia
Section: Lokal
Page: 12

Oleh Shahrinnahar
Latib
am@hmetro.com.my

Bentong

Seorang guru di sini, kerugian RM111,300 akibat diperdaya sindiket Macau Scam yang menyamar sebagai pegawai polis dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) mendakwa mempunyai tunggakan cukai pada Khamis lalu.

Kejadian bermula apabila lelaki berusia 52 tahun itu menerima panggilan telefon daripada seorang wanita memperkenalkan diri sebagai Anisah Hasan yang mengaku dari LHDN Putrajaya.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Pahang, Superintendan Mohd Wazir Mohd Yusof berkata, suspek memberitahu mangsa mempunyai tunggakan cukai di LHDN sebanyak RM26,800.25 sebelum panggilan berkenaan disambung kepada Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Johor dan seterusnya di-

sambung kepada Bukit Aman.

"Selepas itu mangsa menerima panggilan telefon dari lelaki yang memperkenalkan diri sebagai Asisten Komisioner (ACP) Hafiz dari JSJK Bukit Aman. Kemudian panggilan disambung kepada seorang lagi suspek memperkenalkan diri nama ACP Mohd Afiq Azmi.

"ACP Afiq memberitahu semua wang perlu dipindahkan ke akaun bank TPA Bank Negara untuk pembebasan aset dan suspek meminta nama pengguna dan kata akaun bank milik mangsa," katanya dalam sa-

tu kenyataan media di sini, semalam.

Mohd Wazir berkata, mangsa kemudian menerima mesej dari pihak bank memberitahu ada pihak membuat transaksi sebanyak lapan kali dan mangsa memberikan nombor Kod Pengesahan Transaksi (TAC) kepada ACP Afiq.

"ACP Afiq juga memberitahu aset mangsa yang berharga perlu dibekukan sementara siasatan selesai. Mangsa yang takut memberitahu mengenai akaun milik isterinya berjumlah RM50,000

"ACP Afiq juga meminta mangsa memberikan nama

pengguna dan kata akaun bank untuk membuat transaksi. Mangsa kemudian mengambil nombor TAC di telefon isterinya sebelum menyerahkan kepada ACP Afiq," katanya.

Menurut beliau, selepas semua wang dipindahkan, ACP Afiq beritahu siasatan sudah selesai namun mangsa yang mula curiga membuat semakan di bank.

"Hasil semakan mendapati wang yang sudah dipindahkan oleh ACP Afiq berjumlah anggaran RM111,300 dan semua transaksi dibuat selepas pengadu berikan nombor TAC," katanya.

DUIT ISTERI PUN DISAPU!

Seorang guru kerugian RM111,300 selepas layan panggilan daripada 'polis', 'LHDN'